

Pengaruh Muhammad Haqqi al-Nazilli (m. 1884) terhadap Amalan Keagamaan Masyarakat Melayu

The Influence of Muhammad Haqqi al-Nazilli (m. 1884) on the Religious Practices of the Malays

Wahyu Hidayat Abdullah (Pengarang Penghubung)
Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, 35900
Perak, Malaysia
Tel: +6019-5723122 E-mel: wahyu@fsk.upsi.edu.my

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar
Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +6017-2609522 E-mel: mustaqim@usim.edu.my

Sofian Sauri bin Hussien
Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS),
Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak Malaysia.
Tel: +6013-4430177 E-mel: sofian@kuisas.edu.my

Abstrak

Muhammad Haqqi al-Nazilli (m. 1884) merupakan salah seorang tokoh ulama Islam yang penting pada abad kesembilan belas. Walaupun berasal dari Turki, beliau telah menghabiskan kebanyakan usia dan kerjayanya sebagai seorang ilmuwan yang berdomisil di Mekah dan terkenal sebagai pakar dalam bidang ilmu hadis dan tasawuf. Selain aktif mengajar, beliau turut menghasilkan sejumlah karya keagamaan yang penting dalam bahasa Arab. Secara khasnya, adiknya beliau bertajuk *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar* memainkan peranan yang penting terutama sekali dalam kalangan pelajarnya yang berasal dari Alam Melayu. Ia merupakan karya berasaskan hadis Nabi SAW mengenai kelebihan dan fadilat ayat-ayat al-Quran dan ibadat-ibadat lain. Walau bagaimanapun, tidak banyak yang diketahui mengenai tokoh ini dan karyanya. Justeru, makalah ini bertujuan untuk membincangkan mengenainya dengan lebih mendalam. Selain membincangkan aspek biografi dan hasil karya Muhammad Haqqi dari perspektif sejarah, kertas ini terfokus untuk menganalisis

metodenya dalam penilaian dan penerimaan hadis berdasarkan karyanya *Khazinah al-Asrar* dan pengaruhnya terhadap sesetengah amalan keagamaan masyarakat Melayu. Dapatan kajian mengetengahkan sikapnya yang mengharmonikan pandangan ulama hadis dan tasawuf dalam aspek penerimaan hadis yang memberikan kesannya terhadap amalan keagamaan masyarakat Islam, terutamanya di Alam Melayu.

Katakunci: Muhammad Haqqi al-Nazilli; Hadis; Keagamaan; Amalan; Melayu

Abstract

Muhammad Haqqi al-Nazilli (d. 1884) was amongst the most important Muslim scholars in the nineteenth century. Despite his Turkish origin, he spent most of his life and career as a resident scholar in Mecca specializing in the fields of hadith and Sufism. Apart from teaching, he had also published a number of important religious works written in Arabic. His opus entitled *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar* is of high importance and significance especially

amongst his students from the Malay World. It is a work based on the Prophetic hadith concerning the benefits and virtues of the verses of the Quran as well as certain religious practices. However, not much is known or studied about him or his work. Therefore, this paper aims to shed some light on this matter. Apart from discussing his life and works from the historical perspective, main emphasis is given on analyzing his scheme of hadith appraisal from *Khazinah al-Asrar* and its influence on the Malays. The findings highlight his reconciliatory approach towards the hadith between the methods of the hadith scholars and that of the Sufis and its role in shaping the religious practices amongst the Muslims, particularly those from the Malay World.

Keywords: Muhammad Haqqi al-Nazilli; Hadith; Religion; Practice; Malays

Pendahuluan

Rantau Timur Tengah memainkan peranan yang penting dalam sejarah dan kebudayaan masyarakat di Alam Melayu. Hubungan ekonomi, sosial dan politik yang wujud di antara kedua-dua rantau ini sejak zaman berzaman dikukuhkan lagi menerusi proses Islamisasi Alam Melayu yang menyaksikan pengadaptasian dan pembangunan budaya masyarakat Melayu berteraskan kepada agama dan tradisi Islam yang sudah berakar umbi di nusa terasnya dalam segenap aspek kehidupan dan kebudayaan termasuk politik, bahasa, sastera dan sebagainya (al-Attas, 2011). Para pendakwah dan ilmuwan Islam dari Timur Tengah yang merangkumi bangsa Arab, Turki, Parsi dan sebagainya juga turut memainkan peranan penting dalam mengembangkan agama dan pendidikannya di peringkat istana dan dalam kalangan masyarakat awam menerusi institusi pendidikan yang formal dan tidak formal.

Pengajian lanjutan biasanya diperoleh menerusi pendidikan yang ditawarkan di pusat-pusat pengajian Islam yang terkemuka ketika itu terutamanya di Mekah dan Madinah.

Jalinan hubungan intelektual yang terjalin antara Alam Melayu dan Timur Tengah turut menyaksikan transmisi dan penyebaran idea-idea pembaharuan dan pengukuhan faham keagamaan di Alam Melayu secara berterusan. Berdasarkan kajiannya, Azyumardi (2004) telah membincangkan peranan para ulama Alam Melayu seperti Nur al-Din al-Raniri (m. 1658), Abdul Rauf al-Fansuri (m. 1693), Muhammad Yusuf al-Maqassari (m. 1699) dan sebagainya yang telah memainkan peranan sebagai tokoh penting yang telah mencetuskan dan mengembangkan pemikiran keagamaan masyarakat ke tahap yang lebih tinggi.

Kesultanan Aceh yang mengambil alih peranan Melaka selepas kejatuhannya pada tahun 1511 turut menyaksikan peranan penting yang dimainkan oleh Kesultanan Turki Uthmaniyyah dalam senario politik di rantau ini (Ozay, 2011a). Menariknya, pengaruh Turki bukan sahaja terhad dalam bidang politik dan ketenteraan, bahkan turut merangkumi aspek perdagangan, perundangan, pendidikan dan sebagainya (Kayadibi, 2011). Sebagai contoh, dalam aspek keagamaan, penting diperhatikan sumbangan Baba Daud al-Rumi; seorang ulama Turki yang berdomisil di Banda Aceh pada abad ketujuh belas. Beliau bukan sahaja merupakan murid utama kepada Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri, bahkan telah mengarang karya seperti *Masa'il al-Muhtadi* yang digunakan sebagai teks bacaan pengajian agama di Alam Melayu (Ozay, 2011b).

Penggunaan teknologi kapal wap pada abad kesembilan belas telah merancakkan lagi proses perhubungan antara Alam Melayu dan Timur Tengah. Peningkatan yang ketara dalam bilangan penduduk Alam Melayu yang mengunjungi Mekah dan Madinah untuk menunaikan fardu haji dan mendalami ilmu agama telah mewujudkan sebuah koloni Alam Melayu di Mekah yang ditunjangi oleh ulama dan pelajar. Interaksi yang lebih intensif antara masyarakat Alam Melayu dan pelbagai bangsa yang terdapat di Mekah telah menggiatkan lagi proses transmisi pemikiran dan faham

keagamaan, terutamanya dalam kalangan ulama yang mengendalikan pengajian di Masjidil Haram (Snouck Hurgronje, 2007; Kaptein, 1997).

Di sini, penting dinyatakan bahawa pengaruh Turki terhadap amalan keagamaan masyarakat Alam Melayu pada abad ini tidak banyak mendapat perhatian para pengkaji. Selain Snouck Hurgronje (2007) yang membincangkan peranan yang dimainkan oleh kumpulan tarekat yang diterajui oleh para syeikh berbangsa Turki di Mekah yang mempengaruhi sikap agama jemaah haji dari Alam Melayu ketika itu, kebanyakan kajian lain dalam bidang ini seperti yang dilakukan oleh Mohammad Redzuan (2005), Laffan (2003), Azyumardi (2002), Md. Sidin dan Mohammad Redzuan (2000) dan Van Bruinessen (1999) tidak banyak menyentuh aspek ini secara spesifik.

Bahkan tokoh penting berbangsa Turki pada abad ini seperti Muhammad Haqqi al-Nazilli juga tidak pernah dibincangkan secara spesifik dan diketengahkan peranannya sebagaimana yang sewajarnya dalam mempengaruhi aspek keagamaan masyarakat Alam Melayu pada abad ini.

Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk membincangkan isu ini dengan lebih mendalam. Secara khasnya, ia membincangkan pengaruh Muhammad Haqqi al-Nazilli; salah seorang ulama Turki terkemuka abad kesembilan belas di Mekah, menerusi karyanya yang berjudul *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar* terhadap pemikiran dan amalan keagamaan masyarakat Alam Melayu. Perbincangan ini juga turut merangkumi aspek sejarah hidup dan sumbangan karya beliau selain metodenya dalam penilaian dan penerimaan hadis berdasarkan karyanya *Khazinah al-Asrar*. Kesemua ini penting dalam usaha untuk menilai sikapnya dalam ilmu hadis yang turut memberikan kesannya terhadap amalan keagamaan masyarakat Islam, terutamanya di Alam Melayu.

Muhammad Haqqi al-Nazilli: Biografi Ringkas dan Karya

Muhammad Haqqi ibn 'Ali ibn Ibrahim al-Kuz al-Hisari al-Nazilli al-Aydini al-Makki berasal dari Nazilli; sebuah perkampungan di wilayah Aydin yang terletak di barat laut negara Turki (al-Sam'ani, 1988). Tidak dapat diketahui dengan jelas tahun kelahirannya, bahkan setakat yang diketahui tiada penulisan yang khusus mengenai sejarah hidup tokoh ini secara panjang lebar. Mengenai tempat kelahirannya pula, timbul perselisihan pandangan dalam kalangan pengkaji. Rahhal (t.th.) misalnya, mendakwa beliau berasal dari India. Perkara ini disandarkan kepada salah seorang murid al-Nazilli yang berasal dari India selain pegangan mazhabnya iaitu Hanafi yang juga dianuti oleh masyarakat Muslim di India. Walau bagaimanapun, pandangan ini dilihat tidak mempunyai asas yang kukuh. Ini kerana, masyarakat Muslim di Turki juga menganut mazhab Hanafi dan adalah menjadi kebiasaan bagi tokoh ulama yang menetap di Mekah mempunyai ramai murid yang berbilang bangsa dan negara. Namun bukti kukuh mengenai tempat kelahiran al-Nazilli adalah seperti yang dinyatakan oleh al-Mu'allimi (2000) dan diperkukuhkan lagi oleh al-Zirikli (1986) yang menegaskan bahawa beliau berasal dari wilayah Aydin di Turki.

Dinyatakan bahawa al-Nazilli telah berhijrah dari negaranya ke kota Madinah al-Munawwarah untuk menuntut ilmu. Selepas itu, beliau berhijrah ke tanah suci Mekah al-Mukarramah dan terus menetap di sana sehingga akhir hayatnya. Dalam aspek akidah, beliau berpegang kepada aliran *Ahli Sunnah wal Jama'ah*, manakala dalam aspek fiqh pula mengikut mazhab Hanafi. Perkara ini jelas diperhatikan menerusi penggunaan karya-karya fiqh mazhab Hanafi yang banyak dirujuk dalam *Khazinah al-Asrar* seperti *Fatawa al-Bazaziyyah*, *Fatawa al-Hindiyyah* dan sebagainya. Dari aspek tasawuf pula, al-Nazilli terkenal sebagai salah seorang pendukung tarekat Naqshabandiyyah. Beliau giat mengembangkan aliran tersebut kepada pelajarannya dan turut memuatkan satu tajuk yang

husus mengenainya dalam karyanya *Khazinah al-Asrar*.

Mengenai gurunya pula, beliau didapati telah menuntut dengan sejumlah guru dan ulama yang terkemuka abad ke-19 seumpama Ibn Khalifah al-Madani, Syeikh Sanusi al-Maghribi, Syeikh Sulayman al-Adranawi, Syeikh Sayyid Ahmad Bahir al-Nazili, Syeikh Sayyid Zayn al-Makki dan sebagainya. Kebanyakan muridnya pula berasal dari Alam Melayu seperti Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani (m. 1864), Syeikh Wan Ali Kutun (m. 1913) dan sebagainya. Selain itu, Syeikh Abdul Sattar al-Dahlawi (m. 1936) yang berasal dari India dan Syeikh Khalifah al-Nabhani (m. 1936) turut menyatakan al-Nazilli sebagai salah seorang daripada guru mereka (Bila, 2006). Al-Nazilli menghembuskan nafas terakhirnya di Mekah pada tahun 1884.

Semasa hayatnya, al-Nazilli berkesempatan mengarang sejumlah karya dalam pelbagai aspek agama termasuk hadis, tasawuf, fiqh, tajwid dan sebagainya. Setakat ini, sebanyak 13 judul karya beliau yang telah dapat dikenal pasti. Daripada jumlah ini, hanya empat buah yang diterbitkan manakala yang lain hanya diketahui menerusi judulnya sahaja (al-Mu'allimi, 2000; Sarkis, 1948; al-Baghdadi, 1955; al-Babani, 1992). Judul karya beliau berdasarkan bidang adalah seperti berikut: Bidang al-Quran dan tajwid (2 judul): *Tibb al-Quran Hubb al-Rahman* dan *Tafhim al-Ikhwan bi Tajwid al-Quran*; bidang hadis (5 judul): *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar*, *Mafza' al-Khala'iq Manba' al-Haqa'iq*, *al-Budur al-Musfirah min Wujud al-Ahadith al-Waridah fi Ittisa' al-Maghfirah*, *Tanbih al-Rasul 'ala Taqdir al-Zuyul*, dan *Nusrat al-Junud 'an al-Shuhud wa al-Ahadith al-Waridah fi al-Jihad*; bidang tasawuf (5 judul): *Asbab al-Quwwah min Ihsan al-Qudrah fi Adab al-Akl wa al-Shurb*, *Hayat al-Abrar Najah al-Akhar*, *Kunuz al-Asrar*, *Mafatih al-Ghuyub Ma'arif al-Qulub*, dan *al-Sunhat al-Makkiyyah wa al-Futuh al-Hassiyah fi Adab al-Kasb wa al-Tijarah*; dan bidang fiqh (1 judul): *Ahkam al-Madhahib*

fi Atwar al-Liha wa al-Shawarib.

Dalam kalangan karya beliau pula, *Khazinah al-Asrar* merupakan yang paling masyhur dan banyak tersebar. Ia juga telah dicetak berulang kali sama ada di Timur Tengah mahupun di Alam Melayu dan digunakan secara meluas seperti yang akan dijelaskan pada bahagian-bahagian berikutnya.

Metode Penerimaan Hadis Muhammad Haqqi al-Nazilli Berdasarkan *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar*

Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar dihasilkan oleh al-Nazilli sepenuhnya dalam bahasa Arab. Menurut al-Baghdadi (1955), terdapat dua versi karya ini iaitu *Kubra* (besar) dan *Sughra* (kecil). Namun berdasarkan penelitian, perbezaan tersebut bukanlah bersifat jauhari bahkan dari aspek teknikal penerbitan sahaja. Versi *Kubra* merujuk kepada edisi terbitan yang disertai sebuah karya yang hampir sama tema kandungannya berjudul *al-Hisn al-Hasin min Kalam Sayyid al-Mursalin fi al-Adhkar wa al-Da'awat* karangan Ibn al-Jazari (m. 1429) yang disisipkan pada jidar setiap halamannya. Sebaliknya versi *Sughra* merujuk kepada edisi terbitan yang tidak disertai karya Ibn al-Jazari tersebut.

Karya ini telah diterbitkan seawal tahun 1872 di Mesir dan kemudiannya diulang cetak berulang kali pada tahun 1884, 1887, 1888, 1892 dan selanjutnya oleh pelbagai syarikat penerbitan. Ini menunjukkan popularitinya dalam kalangan masyarakat Islam ketika itu. Pada edisi terbitan tahun 1909 oleh Maktabah Dar al-Kutub al-'Arabiyyah, termaktub bahawa karya ini telah melalui proses suntingan di bawah sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan. Namun, perubahan yang dilakukan terhadap teks adalah minimum dan dari aspek teknikal dengan meletakkan tanda-tanda bacaan pada lafaz *takhrij* hadis dan sebagainya sahaja. Selanjutnya, karya ini telah dicetak di Singapura dan Indonesia dan ia masih boleh didapati di kedai-kedai buku agama pada hari ini di beberapa buah negara

di Asia Tenggara termasuk Malaysia, Indonesia dan sebagainya.

Dari aspek kandungan, *Khazinah al-Asrar* boleh dikategorikan sebagai karya yang berkisar mengenai fadilat amalan berdasarkan hadis Nabi SAW dan diselangi dengan huraian dan pandangan para ulama. Tema dan tajuk hadis yang terkandung dalam karya ini merangkumi al-Quran, sejarah pengumpulannya, fadilat surah dan ayat tertentu serta kelebihan dan galakan membaca dan mengajarkannya. Selain itu, ia turut menyentuh fadilat amalan-amalan sunat seperti solat Duha, tahajud dan sebagainya. Secara keseluruhannya, terdapat sejumlah 742 buah hadis Nabi SAW dalam karya ini yang dibahagikan dalam 90 tajuk dan 32 subtajuk.

Berdasarkan kajian *takhrij* hadis yang dilakukan, sejumlah 237 hadis (32%) daripadanya berstatus *maqbul* (sahih dan *hasan*), manakala 222 hadis pula (30%) lemah (*da'if*). Hadis palsu pula berjumlah 145 hadis (19.5%) dan hadis yang tidak diketahui statusnya pula adalah sebanyak 138 hadis (18.5%). Dapatan ini menunjukkan bahawa al-Nazilli mempunyai metodenya yang tersendiri dalam penerimaan sesebuah hadis. Ini kerana, beliau menyatakan bahawa kesemua hadis yang dimuatkan dalam karyanya ini berstatus sahih (al-Nazilli, 1993). Namun, berdasarkan *takhrij* yang telah dijalankan turut menemui sejumlah hadis yang berstatus lemah, palsu dan sebagainya. Perlu dinyatakan bahawa al-Nazilli tidak pernah menyatakan secara eksplisit sikap dan metodenya dalam penerimaan hadis dalam karyanya ini. Namun berdasarkan penelitian terhadap amalan dan stail pengarang *Khazinah al-Asrar* telah menzahirkan beberapa ciri penting yang boleh dijadikan panduan. Sebagai contoh, penggunaan istilah tertentu yang boleh menunjukkan status penerimaan sesebuah hadis. Sekiranya hadis tersebut sahih dan dikategorikan sebagai *maqbul*, al-Nazilli akan mengisyratkannya menggunakan istilah seumpama "*hadis sahih*", "*riwayat sahihah*", "*sanaduh muttasil*" dan sebagainya. Untuk hadis lemah pula, kadangkala al-Nazilli merujuk secara langsung jenis hadis

da'if tersebut, contohnya hadis "*mursal*". Dalam konteks ini juga, penggunaan istilah yang menunjukkan ketidakpastian terhadap sesuatu perkara seperti "*ruwiya*", "*warada*" lazimnya merujuk kepada hadis yang lemah (al-Khayr Abadi, 2011). Dalam konteks *Khazinah al-Asrar*, walaupun kebanyakan istilah sedemikian digunakan untuk hadis yang lemah atau palsu, namun ia turut digunakan untuk hadis lain termasuk sahih.

Dalam pada itu juga, kesemua hadis yang terkandung dalam *Khazinah al-Asrar* tidak disertai dengan sanadnya. Oleh yang demikian adalah sukar untuk pembaca mengetahui status hadis-hadis tersebut. Al-Nazilli pula sering menggunakan istilah "*hadis-hadis sahih*" sebagai sebahagian daripada tajuk bab dalam karyanya ini. Perkara ini mengandaikan bahawa kesemua hadis dalam bab tersebut adalah sahih.

Kewujudan hadis-hadis yang lemah dan palsu dalam karya ini sebenarnya melambangkan metode al-Nazilli yang tersendiri dalam penerimaan hadis. Sikap tolak anurnya dalam hal ini merupakan usaha pengharmonian antara metode ulama hadis yang mementingkan aspek sanad fizikal sebagai kriteria utama penerimaan hadis dan metode ulama tasawuf yang turut mengiktiraf peranan "*sanad*" secara kerohanian menerusi konsep *al-kashf* and seumpamanya (M. Mustaqim, 2014). Namun begitu, al-Nazilli turut mengecam sikap sesetengah ulama tasawuf yang berlebihan dalam meriwayatkan hadis Nabi SAW secara mimpi semata-mata dan mengabaikan aspek dan kriteria penerimaan sanad secara fizikal. Dalam hal ini, al-Nazilli mengambil jalan tengah antara kriteria yang dikemukakan oleh kedua-dua golongan ulama tersebut dan menimbangkannya berdasarkan keperluan.

Pengaruh Muhammad Haqqi al-Nazilli terhadap Amalan Keagamaan Masyarakat Melayu

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, ramai dari kalangan murid al-Nazilli di Mekah

berasal dari Alam Melayu dan sesetengahnya pula kemudiannya menjadi terkenal sebagai ulama yang penting dan berpengaruh seperti Syeikh Wan Ali Kutan dan Syeikh Abdul Qadir al-Fatani. Kedua-dua tokoh ini merupakan antara ulama Melayu yang tersohor pada abad kesembilan belas yang gigih mengembangkan faham keagamaan kepada masyarakat di Alam Melayu menerusi pengajaran dan penulisan karya. Rujukan terhadap karya dan pengajaran guru mereka dilangsungkan pula dalam pengajaran dan karya-karya yang dihasilkan yang seterusnya diajarkan dan disebar ke serata wilayah di Alam Melayu.

Salah seorang muridnya iaitu Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani juga merupakan seorang ulama Alam Melayu yang masyhur pada abad kesembilan belas. Kemasyhurannya terzahir menerusi ketinggian ilmu agamanya, kebijaksanaannya dan keperibadiannya yang tinggi. Di samping itu, beliau banyak menghasilkan karya yang bermutu dan sebahagiannya masih dijadikan sumber rujukan dan pengkajian sehingga ke hari ini. Menurut Wan Mohd Shaghir (1997), kemasyhuran beliau juga disebabkan oleh faktor kekeluargaan. Ini kerana beliau merupakan salah seorang keluarga terdekat kepada Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.

Dikatakan beliau pernah mengajar di Masjidil Haram namun tiada bukti kukuh mengenai hal ini. Antara muridnya yang terkenal termasuk Syeikh Uthman bin Shihabuddin al-Funtiani, Syeikh Wan Ali Kutan, Syeikh Muhammad Salih bin Zainal Abidin al-Fatani dan sebagainya. Beliau juga sangat berpengaruh dalam tasawuf dan berperanan mengembangkan aliran tarekat Shattariyyah di Alam Melayu.

Pengaruh al-Nazilli terhadap beliau juga dapat diperhatikan dalam karya yang dihasilkannya. Sebagai contoh, karyanya berjudul *Tuhfah al-Ummah fi al-Salat 'ala al-Nabi al-Rahmah* mengandungi beberapa buah selawat ke atas Nabi SAW. Salah sebuah selawat iaitu Selawat al-Nariyyah diterimanya dengan ijazah yang

sempurna daripada gurunya al-Nazilli. Dalam *Khazinah al-Asrar* juga terkandung selawat tersebut dan kelebihanannya. Justeru, besar kemungkinannya beberapa bahagian dalam *Tuhfah al-Ummah* dikarang oleh Syeikh Abdul Qadir dengan merujuk kepada gurunya al-Nazilli dan karyanya *Khazinah al-Asrar*. Justeru, menerusi muridnya, amalan keagamaan yang dibawa oleh al-Nazilli tersebar dan berkembang dengan meluas ke Alam Melayu.

Selain itu, Syeikh Wan Ali Kutan juga merupakan salah seorang muridnya yang memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan hasil karya dan pemikiran al-Nazilli. Dari satu aspek, beliau menerima dan menyebarkan amalan Selawat al-Nariyyah daripada gurunya yang dicatatkan dalam karyanya *al-Jawhar al-Mawhub*. Selawat ini merupakan suatu amalan yang sangat popular dalam kalangan ahli tarekat dan juga masyarakat awam ketika itu. Yang lebih penting lagi, *al-Jawhar al-Mawhub* sendiri banyak merujuk kepada pandangan al-Nazilli dan karyanya *Khazinah al-Asrar* sebagai sumber rujukan, sama ada yang melibatkan petikan hadis mahupun amalan dan pandangan tertentu (M. Mustaqim, 2014). Memandangkan kepada populariti Syeikh Wan Ali dan pengaruh *al-Jawhar al-Mawhub* yang tersebar dengan meluas di Semenanjung Tanah Melayu, secara tidak langsung juga telah memperkenalkan serta menyebarkan nama al-Nazilli dan karyanya dalam kalangan masyarakat Melayu.

Menariknya lagi, karya al-Nazilli kemudiannya dipetik dan dirujuk sama ada secara langsung mahupun menerusi karya murid-muridnya seperti Syeikh Wan Ali Kutan, Syeikh Abdul Qadir dan sebagainya dan dijadikan sumber kepada amalan keagamaan masyarakat Islam di Alam Melayu yang boleh diperhatikan impaknya sehingga ke hari ini. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, sebagai sebuah karya yang menghimpunkan fadilat amalan tertentu, *Khazinah al-Asrar* sarat dengan hadis dan riwayat yang merangkumi kelebihan ayat dan surah al-Quran selain amalan beberapa jenis solat sunat seperti solat *awwabin*, tahajud,

solat sunat khusus pada hari-hari tertentu dalam seminggu, dan solat-solat sunat yang berkaitan dengan sebab-sebab tertentu.

Walaupun sumber pengamalan solat-solat tersebut adalah daripada riwayat hadis Nabi SAW dan termaktub dalam sumber-sumber hadis para ulama Islam, namun menarik diperhatikan bahawa sebahagian daripadanya diambil dan dirujuk daripada karya al-Nazilli. Perkara ini dapat dipastikan menerusi petikan dalam karya-karya tertentu yang jelas menyatakan sumbernya tersebut sama ada menerusi *al-Jawhar al-Mawhub* yang memetik daripada *Khazinah al-Asrar* ataupun secara langsung daripada karya berkenaan. Dari aspek yang lain, terdapat juga sumber kepada amalan tertentu yang hanya didapati termaktub dalam *Khazinah al-Asrar* sahaja. Justeru, sebarang kenyataan mengenai amalan tersebut yang dimuatkan dalam karya-karya Melayu terkemudian mengandaikan rujukan kepada *Khazinah al-Asrar* walaupun ia mungkin tidak dinyatakan secara eksplisit.

Dalam konteks masyarakat Melayu, amalan yang berkaitan fadilat solat dan ibadat tertentu seperti yang dinyatakan secara kebiasaannya tersebar dengan meluas menerusi risalah dan buku panduan kecil yang banyak dijual di serata pasar dan kedai di negara ini. Buku-buku ini, walaupun bersaiz kecil dan murah harganya, namun menjadi salah satu sumber utama keagamaan popular bagi masyarakat awam yang ingin mengamalkan ibadat-ibadat tersebut yang dijelaskan dengan gaya bahasa yang mudah, ringkas dan padat. Sebagai contoh, buku *Himpunan 110 Solat-Solat Sunat, Qiamulail, Doa-Doa, Munajat & Istighfar* oleh Ahmad bin Ibrahim (2010), *75 Solat-Solat Sunat Serta Doa & Wirid* oleh Abd. Rahman Mat (2009), *Hidup Ibadat* susunan Fadzil Ahmad (2009) dan seumpamanya.

Populariti buku-buku tersebut terzahir menerusi kekerapan pengulangan cetakannya dan kewujudannya dalam pasaran buku dalam tempoh masa yang panjang. Buku Fadzil (2009) misalnya telah berada dalam pasaran

lebih daripada 25 tahun dan telah diulang cetak puluhan kali. Ia merupakan panduan asas fardu ain yang merangkumi pelbagai aspek ibadat dan hukum fiqh asas. Demikian juga, buku Ibrahim (2010) telah diulang cetak sebanyak sepuluh kali sehingga tahun 2010 sahaja. Ia menyenaraikan sembahyang-sembahyang sunat yang boleh diamalkan seperti sembahyang sunat *rawatib*, terawih, tahajud, tasbih, istikharah dan sebagainya.

Turut disertakan panduan melaksanakannya seperti niat dan bacaan pada setiap rakaat. Ada juga sembahyang sunat tersebut yang dinyatakan dalil pengamalannya berdasarkan hadis Nabi SAW. Buku Abd. Rahman (2009) juga telah dicetak sebanyak enam kali sehingga tahun 2009 sahaja dan menyenaraikan sejumlah jenis sembahyang sunat berserta wirid dan doa yang berkenaan.

Antara sembahyang sunat yang terdapat dalam buku-buku tersebut dan bersumberkan kepada *Khazinah al-Asrar* secara langsung atau menerusi *al-Jawhar al-Mawhub* dan sebagainya adalah seperti berikut:

Sembahyang Sunat Khusus pada Malam Hari Ahad

Sembahyang ini dilakukan sebanyak empat rakaat (Abd. Rahman, 2009). Ia bersandarkan kepada hadis bahawa Rasulullah SAW bersabda: “*Barang siapa yang bersembahyang pada malam Ahad empat rakaat; pada setiap rakaat dia membaca surah al-Fatihah sekali, surah al-Ikhlâs tiga kali, dan apabila selesai dia membaca istighfar sebanyak tujuh puluh kali, diutus kepadanya seribu malaikat yang mendoakan dan memohon keampunan kepadanya sehingga ditiup sangkakala, serta ditulis padanya pahala syahid dan dihapuskan dosanya walau sebanyak bilangan bintang di langit dan buih di laut*”.

Hadis ini terkandung dalam *Khazinah al-Asrar* (hal. 41) tanpa disertai sanad dan sumber ambilannya. Berdasarkan *takhrij* hadis yang dilakukan, ia tidak dijumpai dalam mana-mana

koleksi dan sumber hadis yang muktabar. Namun statusnya berkemungkinan besar adalah palsu (*mawdu'*). Ini berdasarkan kepada pandangan Ali al-Qari (1986) yang menyatakan bahawa kesemua hadis yang berkaitan dengan sembahyang sunat tertentu pada setiap sehari dan malam seperti sembahyang sunat hari Ahad, Isnin dan sebagainya adalah dusta.

Sembahyang Sunat Khusus pada Malam Hari Jumaat

Sembahyang ini dilakukan sebanyak dua rakaat (Abd. Rahman, 2009). Ia bersandarkan kepada hadis-hadis berikut: “*Barang siapa yang bersembahyang pada malam Jumaat dua rakaat dengan membaca pada rakaat pertama surah Yasin, dan pada rakaat kedua surah al-Mulk, diberikan bagi setiap huruf cahaya di antara kedua tangannya, dan dia akan mengambil kitab amalannya dari sebelah kanannya serta ditulis padanya bebas daripada neraka dan diberikan syafaat padanya tujuh puluh ahli keluarganya. Barang siapa yang meraguinya adalah munafik*”; dan “*Barang siapa yang bersembahyang pada malam Jumaat, dipelihara oleh Allah akan dirinya, hartanya, anak-anaknya, dunianya dan akhiratnya*”.

Hadis ini terkandung dalam *Khazinah al-Asrar* (hal. 42) tanpa disertai sanad dan sumber ambilannya. Berdasarkan *takhrij* hadis yang dilakukan, ia tidak dijumpai dalam mana-mana koleksi dan sumber hadis yang muktabar. Namun statusnya berkemungkinan besar adalah palsu (*mawdu'*). Ini berdasarkan kepada pandangan Ali al-Qari (1986) seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Sembahyang Sunat Menghapuskan Dosa Air Kencing

Sembahyang yang juga dikenali sebagai sembahyang *kifarat bawl* ini dilakukan sebanyak dua rakaat selepas sembahyang Duha. Pada rakaat pertama dibaca surah al-Fatihah sekali dan surah al-Kawthar tujuh kali, manakala pada rakaat kedua dibaca surah al-Fatihah sekali

dan surah al-Ikhlas tujuh kali (Ahmad, 2010; Fadzil, 2009). Ia bersandarkan kepada hadis berikut: “*Barang siapa yang bersembahyang dengan niat untuk menghapuskan dosa kencing, maka diampunkan Allah dosa akibat kencingnya yang terkena pada badan dan pakaiannya*”.

Setakat yang diketahui, hadis ini hanya dijumpai terkandung dalam *Khazinah al-Asrar* sahaja (hal. 48) tanpa disertai sanad dan sumber ambilannya. Berdasarkan *takhrij* hadis yang dilakukan, ia tidak dijumpai dalam mana-mana koleksi dan sumber hadis yang muktabar. Walaupun terdapat hadis sahih yang menceritakan tentang azab bagi mereka yang tidak membersihkan diri dan pakaian daripada terkena najis air kencing, namun tidak pernah ditemui sebarang hadis daripada Nabi SAW yang menyatakan keperluan melakukan solat khusus mengenainya seperti yang dinyatakan di sini. Justeru, besar kemungkinannya hadis ini tidak berasal daripada sabda Nabi SAW.

Kelebihan Amalan Tertentu

Berzikir merupakan salah satu ibadat sunat yang dituntut dalam Islam. Sebaik-baik zikir pula ialah dengan menyebut perkataan tauhid iaitu *la ilaha illa Allah*. Terdapat banyak hadis dan periwayatan yang menyatakan kelebihanannya, namun dalam (Abd. Rahman, 2009) turut dimuatkan hadis berikut: “*Barang siapa yang menyebut la ilaha illa Allah tujuh puluh ribu kali, nescaya ia telah menebus dirinya daripada Allah 'azza wa jalla*”.

Hadis ini terkandung dalam *Khazinah al-Asrar* (hal. 212) tanpa disertai sanad dan sumber ambilannya. Berdasarkan *takhrij* hadis yang dilakukan, ia tidak dijumpai dalam mana-mana koleksi dan sumber hadis yang muktabar. Namun statusnya berkemungkinan besar tidak berasal daripada Rasulullah SAW. Menariknya, al-Nazilli (1993) turut menyedari akan status hadis ini yang dipertikaikan. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa hadis ini merupakan pegangan kaum tasawuf dalam aspek bilangan zikir kalimah tauhid tersebut.

Mengikuti pandangan mereka, hadis ini benar berdasarkan kaedah *al-kashf* oleh para syeikh tasawuf yang boleh dipercayai. Pada masa yang sama, beliau menegaskan bahawa hadis yang lemah seumpama ini boleh diamalkan dalam aspek berkaitan fadilat amalan terutamanya yang tidak bercanggah dengan *qiyas*.

Daripada segelintir contoh yang telah dibincangkan, ternyata bahawa pandangan al-Nazilli dalam penerimaan hadis menerusi karyanya *Khazinah al-Asrar* telah memberikan impaknya pada aspek pengamalan agama masyarakat Melayu, sama ada secara langsung mahupun menerusi karya murid-muridnya yang masyhur di Alam Melayu seperti Syeikh Wan Ali Kutan, Syeikh Abdul Qadir al-Fatani dan sebagainya. Faham keagamaan sedemikian yang mengharmonikan antara metode ulama hadis dan tasawuf dalam menilai kebolehterimaan sesebuah hadis kadangkala turut mengundang kritikan daripada pihak-pihak tertentu yang melihat pengamalan dengan hadis *da'if* merupakan suatu perkara yang perlu dielakkan dan bertentangan dengan metode ulama hadis yang sebenarnya.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa Muhammad Haqqi al-Nazilli merupakan salah seorang ulama Turki pada abad kesembilan belas yang mempunyai pengaruh yang besar kepada masyarakat Islam di Alam Melayu sehingga ke hari ini walaupun sumbangannya ini hampir tenggelam ditelan oleh lipatan sejarah. Kepentingan karyanya *Khazinah al-Asrar* dalam konteks perkembangan faham dan amalan keagamaan masyarakat setempat tidak dapat dinafikan biarpun terdapat sejumlah hadis yang lemah dan diragui kesahihannya dalamnya. Menerusi murid-muridnya dari Alam Melayu seumpama Syeikh Wan Ali Kutan dan Syeikh Abdul Qadir al-Fatani, mesej dan ajarannya telah berkembang dengan pesat dalam kalangan masyarakat Melayu walaupun beliau sendiri tidak pernah menjejakkan kakinya di rantau ini.

Yang lebih penting lagi, sikapnya terhadap hadis yang berusaha untuk mengharmonikan antara metode ulama hadis dan tasawuf yang tidak berteraskan kepada sanad fizikal sahaja selain turut mengiktiraf peranan *al-kashf* sebagai kriteria penerimaan hadis selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip dasar agama turut tergambar dalam amalan-amalan keagamaan yang dimuatkan dalam karyanya yang seterusnya disebar dan diamalkan dengan meluas dalam masyarakat Melayu. Walaupun metode yang dibawanya ini boleh mengundang pelbagai reaksi dan kritikan, namun kepentingan dan pengaruh beliau dan karyanya *Khazinah al-Asrar* adalah signifikan dan perlu diketengahkan dan ditaksirkan dengan sewajarnya sebagaimana layaknya.

Rujukan

- Abd. Rahman, M. (2009). 75 Solat-Solat Sunat Serta Doa & Wirid. Darul Nu'man, Kuala Lumpur.
- Ahmad, I. (2010). Himpunan 110 Solat-Solat Sunat, Qiamulail, Doa-Doa, Munajat & Istighfar. Pustaka al-Hidayah, Kuala Lumpur.
- Al-Attas, S. M. N. (2011). Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Al-Babani, I. M. A. (1992). Idah al-Maknun fi al-Dhayl 'ala Kashf al-Zunun. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut.
- Al-Baghdadi, I. B. (1955). Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Musannifin. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut.
- Al-Khayr Abadi, M. A. (2011). 'Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu'asiruha. Darul Syakir, Bangi.
- Al-Mu'allimi, A. A. R. (2000). A'lam al-Makkiyyin min al-Qarn al-Tasi' ila al-Qarn al-Rabi' 'Ashar al-Hijri. Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, London.

- Al-Nazilli, M. H. (1993). *Khazinah al-Asrar Jalilah al-Adhkar*. Al-Haramayn, Indonesia.
- Al-Sam'ani, A. K. M. (1988). *Kitab al-Ansab*. Dar al-Jinan.
- Al-Zirikli, K. (1986). *Al-A'lam: Qamus Tarajim li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' al-Musta'rabin wa al-Mustashriqin*. Dar al-'Ilm li al-Malayin, Beirut.
- Ali al-Qari, N. A. (1986). *Al-Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhbar al-Mawdu'ah*. Al-Maktab al-Islami, Beirut.
- Azyumardi, A. (2002). *Jaringan Global dan Lokal Islam Nusantara*. Penerbit Mizan, Bandung.
- Azyumardi, A. (2004). *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Allen and Unwin, Australia.
- Bila, Z. A. (2006). *Al-Jawahir al-Hisan fi Tarajim al-Fudala' wa al-A'yan min Asatidhah wa Khallan*. Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, London.
- Fadzil, A. (2009). *Hidup Ibadat*. Dagang Sdn. Bhd., Kedah.
- Kaptein, N. J. G. (1997). *The Muhimmat al-Nafa'is: A Bilingual Meccan Fatwa Collection for Indonesian Muslims from the End of the Nineteenth Century*. INIS, Jakarta.
- Kayadibi, S. (2011). *Ottoman Connections to the Malay World*. The Other Press, Petaling Jaya.
- Laffan, M. F. (2003). *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia: The Umma Below the Winds*. RoutledgeCurzon, London.
- M. Mustaqim M. Z. (2014). *Peranan Lubab al-Hadith dalam Karya Hadis di Alam Melayu*. Penerbit USIM, Nilai.
- Md. Sidin, A. I., & Mohammad Redzuan, O. (2000). *The Malays in the Middle East*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Mohammad Redzuan, O. (2005). *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ozay, M. (2011a). *The Sultanate of Aceh Darussalam as a Constructive Power*. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(11)[Special Issue- August]: 274-283.
- Ozay, M. (2011b). *Baba Davud: A Turkish Scholar in Aceh*. Dalam Saim Kayadibi. (Peny.). *Ottoman Connections to the Malay World*. The Other Press, Petaling Jaya.
- Rahhal, U. (t.th.). *Al-Jami' fi Tarajim 'Ulama' Shihb al-Qarah al-Hindiyyah*. Mudawwanah Maktabah al-Asalah. Sumber: [http://book-
alasaala.blogspot.com](http://book-alasaala.blogspot.com).
- Sarkis, Y. I. (1948). *Mu'jam al-Matbu'at al-'Arabiyyah*. Maktabah Sarkis, Kaherah.
- Snouck Hurgronje, C. (2007). *Mekka in the Latter Part of the 19th Century*. Brill, Leiden.
- Van Bruinessen, M. (1999). *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Penerbit Mizan, Bandung.
- Wan Mohd Shaghir, A. (1997). *Data Kitab Risalah fi Bayan Hukm al-Bai' wa al-Riba Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahim al-Fatani di Bukit Bayas Terengganu: Biografi dan Karya*. Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur.